

B B720 AAB
MAHATHIR - INDUSTRI R R R
(I)
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

LONDON, 23 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMPERTAHANKAN DASAR PERINDUSTRIAN MALAYSIA DENGAN BERKATA TERLALU AWAL UNTUK MENGUKUR KEJAYAANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH BEBERAPA KALI DIBERITAHU BAHAWA DASAR ITU BUKAN SAHAJA TIDAK BIJAK BAHKAN TIDAK REALISTIK.

+KITA TELAH DITANYA MENGAPAKAH KITA HARUS MENYERTAI INDUSTRI BERAT DAN MENGAPAKAH KITA MENGELUARKAN KERETA. KERETA NASIONAL MALAYSIA, MENURUT PENGKRITIKNYA, TELAH MENJADI SATU IGAUAN DAN MERUGIKAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+TETAPI BERAPA BANYAKKAH INDUSTRI KERETA TERMASUK DI NEGARA MAJU SENDIRI YANG MERAHAI KEUNTUNGAN DALAM TEMPOH BEBERAPA TAHUN PENUBUHANNYA?+ TANYA BELIAU KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN TENGAH HARI YANG DIBERIKAN OLEH GABUNGAN INDUSTRI BRITAIN DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBALIKNYA BEBERAPA SYARIKAT PEMBUAT KERETA YANG BARU DITUBUHKAN BANKRAP SEBELUM SEMPAT MENJUAL SEBUAH PUN KERETA KELUARANNYA. MALAH ADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMBUAT KAPAL TERBANG GULUNG TIKAR LEBIH AWAL.

+APA YANG INGIN SAYA TEGASKAN IALAH ADA INDUSTRI YANG GAGAL DAN ADA YANG BERJAYA. BAGI MALAYSIA, TERLALU AWAL UNTUK MENYATAKAN BAHAWA DASAR PERINDUSTRIANNYA SALAH,+ KATA BELIAU. -- LAGI.
1834MST 23 07 87

B B728 AAB
MAHATHIR - INDUSTRI 2 LONDON R R R
(I)

BELIAU BERKATA BAGAIMANAPUN INI TIDAK HARUS MEMBIMBANGKAN ORANG LUAR, TERUTAMA PARA USAHAWAN ASING.

PERDANA MENTERI MENGGESA MEREKA MEMBIARKAN MALAYSIA MERENTASI RINTANGANNYA SENDIRI DAN SEBALIKNYA MEMANFAATKAN DARIPADA DASAR YANG DIAMALI OLEH NEGARA ITU.

+WALAU APA PUN KELEMAHAN KAMI, KAMI SENTIASA MENJELASKAN HUTANG DAN TIDAK BANKRAP. DENGAN SIMPANAN YANG BOLEH MENAMPUNG IMPORT SELAMA TUJUH BULAN, TIDAK MUNGKIN KAMI AKAN JATUH BANKRAP,+ KATA BELIAU.

SAMBIL MEMBERI JAMINAN KEPADA PELABUR BAHAWA PENANAMAN MODAL MEREKA DI MALAYSIA SELAMAT, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA DASAR +BELI BARANGAN BRITISH SEBAGAI PILIHAN TERAKHIR+ TELAHPUN DIGUGURKAN SEBELUM PERDANA MENTERI MARGARET THATCHER MELAWAT MALAYSIA PADA 1985.

INI BERMAKNA BARANGAN BRITISH KINI DAPAT BERSAING TANPA DISKRIMINASI DENGAN BARANGAN KELUARAN NEGARA-NEGARA LAIN.

+SAYA MENGULANGI DI SINI BAHAWA DASAR +BELILAH BARANGAN BRITISH SEBAGAI PILIHAN TERAKHIR+ TELAHPUN BERKUBUR,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MENYAMBUK BAIK PENYERTAAN ASING DALAM PROGRAM PERINDUSTRIANNYA KERANA IA TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN OLEH RAKYAT MALAYSIA SECARA BERSENDIRIAN. -- LAGI.
1850MST 23 07 87

B B730 AAB
MAHATHIR - INDUSTRI 3 LONDON R R R

(I)

SEMENTARA ITU, SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM YANG DIADAKAN OLEH PERSATUAN BRITISH-MALAYSIA DI SINI MALAM TADI, PERDANA MENTERI, YANG SEDANG DALAM LAWATAN RASMI ENAM HARI KE BRITAIN MELAHIRKAN PENGHARGAAN KEPADA PERSATUAN ITU KERANA MINAT DAN CINTANYA KEPADA MALAYSIA.

+ANDA IALAH APA YANG DIPANGGIL OLEH AMERIKA SEBAGAI LOBI. ANDA PASTI TIDAK MAHU MENERIMA GANJARAN BAGI PERKHIDMATAN ANDA. ANDA LAKUKANNYA DEMI KEPENTINGAN DAN PERSAHABATAN. ANDA, SUDAH TENTU, LEBIH BERKESAN KERANA ITU,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA PERCAYA KEPADA EKONOMI PASARAN DAN PERDAGANGAN BEBAS. HASILNYA, NEGARA MENCAPI KEMAJUAN PESAT SEJAK MERDEKA WALAUPUN KERAJAAN MENGHADAPI TUGAS BERAT MENGENDALIKAN APA YANG DITINGGALKAN OLEH BRITAIN IAITU PENGURUSAN PERHUBUNGAN KAUM.

BELIAU KESAL KERANA WALAUPUN MALAYSIA TELAH MENCAPI KEJAYAAN-KEJAYAAN ITU, SESETENGAH KALANGAN DI BRITAIN MASIH ENGGAN MEMAHAMI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPINYA. -- BERNAMA.

1906MST 23 07 87